



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
(Ministry of Education Malaysia)
BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN KOMPETENSI
(Competency Development and Assessment Division)
BLOK 4803, SUITE D-2, BANGUNAN CBD PERDANA
OFF PERSIARAN MULTIMEDIA
63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-8317 8010 (Talian Lini Utama)
Faks : 03-8317 9119 (Pantafaksim)
Laman web : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP(BPPK)111/6 Jld 5 (6)

Tangh : 13 Zulhijjah 1430H
30 November 2009

Semua Ketua Jabatan/ Bahagian
Kementerian Pelajaran Malaysia

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Semua Pegawai Pelajaran Daerah

Semua Pengarah Institut Perguruan Malaysia (IPGM)

Semua Pengarah Kolej Matrikulasi

Semua Ketua Nazir Negeri

Semua Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**MAKLUMAN KAEDAH PERMOHONAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) BAGI
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH (PPPS) GRED DG48, DG52, DG54,
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD) GRED DGA34 DAN
DGA38 SERTA ANGGOTA KHIDMAT SOKONGAN (AKS) GRED 26 TAHUN 2010**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah menarik perhatian Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pada tahun 2010, Bahagian Pembangunan Dan Penilaian Kompetensi (BPPK) mengalami pengurangan peruntukan kesan dari pengurangan jumlah peruntukan yang diterima oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Selaras dengan pengurangan peruntukan yang diterima bagi melaksanakan PTK ini, Lembaga Penilaian Kompetensi KPM (LPKKPM) Bil. 7/2009 yang bersidang pada 18 November 2009 telah membuat keputusan untuk menjalankan kaedah Penilaian Pemahaman (Subjektif) pada tahun 2010 sebagai alternatif kepada kaedah Pusat Penilaian Kompetensi (PPK).

3. Untuk membolehkan PTK dapat dilaksanakan dengan sempurna pada tahun 2010, permohonan menduduki PTK bagi PPPS Gred DG48, DG52, DG54, PPPLD Gred DGA34 dan

DGA38 serta AKS Grad 26 tahun 2010 akan dibuka mulai 1 – 28 Februari 2010 secara atas talian. Pemakluman tarikh PTK, tiket peperiksaan dan lain-lain makluman akan dimuat naik ke laman web BPPK <http://apps.emoe.gov.my/bppk> dari semasa ke semasa dan pemakluman secara *hardcopy* tidak akan dikeluarkan kepada calon/jabatan.

4. Bagi calon yang telah mendaftar pada tahun 2009 tetapi tidak ditawarkan atau menolak tawaran Pusat Penilaian Kompetensi (PPK) 2009, calon dikehendaki untuk mendaftar semula bagi mengikuti PTK Tahun 2010 secara atas talian apabila permohonan dibuka kelak. Sehubungan itu, calon/ jabatan tidak perlu lagi menggunakan sistem permohonan dengan perisian PTKBPPKe4.1A.


5. Surat siaran ini dikeluarkan sebagai notis awal dan pihak Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dipohon memenjangkan maklumat ini kepada semua anggota/jabatan dibawah pentadbiran masing-masing. Maklumat ini juga boleh didapati pada laman web Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi (BPPK) <http://apps.emoe.gov.my/bppk>.

Di atas segala kerjasama Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berikan di dalam hal ini adalah sangat-sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH BAHASA KITA"

Saya yang menurut perintah,


(HAJI JAMALUDIN BIN YAHAYA)
Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.

Y.Bhg. Tan Sri Dr. Zulkurnain bin Haji Awang
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Haji Alimuddin bin Haji Mohd. Dom
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia

Y.Bhg. Datuk Haji Kamaruzaman bin Haji Mohd. Noor
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Pelajaran Malaysia